

HARI : SABTU
TARIKH : 28/12/2019
M/SURAT : 1



Harga bawang merah naik mendadak

Bawang dari Malaysia berlambak di Thailand

Bekalan disyaki diseludup kerana harga lebih mahal di negara jiran

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Padang Besa (Songkhla): Jika negara berdepan kekurangan bawang merah, bekalannya mudah diperoleh di pekan bersempadan Malaysia-Thailand ini sehingga

Thailand pada harga antara THB110 (RM15) hingga THB150 (RM20.50) serta bawang dari Malaysia yang dijual antara THB80 (RM11) hingga THB100 (RM13.70) sekilogram.

Penjualan bawang merah dari Malaysia menimbulkan tanda tanya kerana ketika berlaku kekurangan bekalan di kebanyakan negeri, kawasan sekitar sempadan di Thailand mempunyai lebih banyak stok.

Penelitian pada karung bawang yang dijual menunjukkan alamat pengimpor adalah syarikat dari Malaysia. Ia dikatakan diseludup ke negara jiran dan dijual secara terbuka.



Seorang peniaga membeli bawang secara borong untuk dijual di Padang Besa, Songkhla.

HARI : _____
TARIKH : _____
MSURAT : _____
SABTU : _____
28/12/2019
5

berlaku lambakan.

Tinjauan BH di kawasan sempadan Padang Besar, Malaysia semalam mendapati banyak stok bawang merah, bawang Holland dan bawang putih di setiap kedai runcit, terutama di sekitar Pasar Awam Padang Besa.

Dua jenis bawang merah dijual di pasar berkenaan, iaitu bawang


Sumber mendakwa, penyeludupan bawang dari Malaysia berlaku sejak sekian lama berikutan harganya yang lebih rendah.

Sindiket penyeludupan ‘mengeksport’ bawang Malaysia ke negara jiran bagi mengaut keuntungan mudah berikutan harga di Thailand yang lebih tinggi.

“Memang berlaku penyelu-

dupan bawang dan barang subsidi lain ke Thailand sebelum ini kerana harganya yang terlalu murah di Malaysia.

“Kumpulan penyeludup dikatakan mempunyai beberapa premis yang dijadikan gudang transit sekitar kawasan sempadan Malaysia-Thailand, sebelum dihantar ke bandar utama lain.



Chanchai Arthit menunjukkan bawang yang dibeli secara borong untuk dijual di kedai runcitnya, di Padang Besa, Songkhla.
(foto Sharul Hafiz Zam/BH)

“Dengan kadar tukaran mata wang Thailand yang lebih tinggi, kegiatan penyeludupan akan terus berlaku kerana barang yang dijual di Malaysia menjadi semakin murah,” katanya ketika ditemui BH.

Difahamkan, mereka tidak lagi menyeludup barang bersubsidi di kawasan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaran dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, susulan pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rastah Malaysia (SPRM) Oktober lalu.

Sebaliknya, sindiket penyeludup menggunakan taktik lebih licik mengupah individu tertentu membawa barang subsidi dalam jumlah sedikit melalui lorong tikus di sepanjang sempadan sehingga sukar dikesan pihak berkuasa.

Sementara itu, peniaga Thailand, Chanchai Arthit, 30, berkata bawang Malaysia banyak dijual di kedai sekitar kawasan sempadan kerana harganya lebih murah berbanding bawang Thailand.

“Dahulu kami beli bawang Malaysia RM5 atau RM6 sekilogram, tetapi sekarang mahal sedikit.

“Bawang Malaysia boleh ditemui sehingga di kedai di Hatyai dan Songkhla, selain ada pemborong besar menjualnya secara pukal kepada pelanggan,” kata-nya.

Difahamkan juga, kebanyakan pengusaha restoran di negara jiran itu lebih menggemari bawang Malaysia kerana harganya yang murah dan bekalannya mudah diperoleh.